

Kuasa beli lebih utama: PM

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan kuasa membeli adalah lebih penting daripada jumlah wang dimiliki. Perdana Menteri berkata, orang yang miskin dari segi jumlah wangnya, tetapi kaya dari segi kuasa membelinya adalah lebih kaya dan bahagia daripada orang yang kaya dari segi jumlah wang, tetapi rendah kuasa membelinya.

“Ingatlah, wang yang banyak tidak bermakna kaya dan wang yang sedikit tidak bermakna miskin. Yang penting bukan jumlah wang, tetapi kuasa membeli yang ada pada wang itu,” katanya.

Berucap merasmikan Perhimpunan Gerakan Kepenggunaan sempena kempen antiinflasi di sini semalam, beliau turut mengeluarkan wang Serbia bernilai 500 bilion dinar sebagai contoh bahawa nilai wang yang banyak tidak semesti menunjukkan pemiliknya kaya.

Menurutnya, penduduk di negara Eropah menjadi ‘multi-billionaire’ kerana setiap rakyatnya diupah serta memiliki beribu juta unit mata wangnya, tetapi semuanya miskin dari segi kehidupan.

Dr Mahathir berkata, ini kerana 500 bilion dinar Serbia itu, jika ditukar dalam Ringgit Malaysia,

nilainya bersamaan 30 sen di negara ini.

“Yang menjadikan kita kaya ialah kuasa membeli, tetapi kalau hendak menjadi billionaire bolehlah pergi ke Serbia. Begitu juga perbandingan nilai Dolar Amerika Syarikat dan Ringgit Malaysia.

“Purata pendapatan per kapita rakyat Malaysia kini ialah AS\$3,400 (RM8,500) dan ini membolehkan mereka membeli barangan bernilai AS\$8,400 (RM21,000) di negara itu. Ini kerana kos pengeluaran di Amerika Syarikat jauh lebih tinggi berbanding Malaysia dan sebab itu bandingan per kapita antara negara bukan lagi

berdasarkan jumlah matawang, tetapi perbandingan kuasa membeli,” katanya.

Perdana Menteri berkata, berdasarkan perhimpunan itu, kuasa membeli rakyat negara ini adalah tiga kali ganda lebih tinggi daripada Amerika Syarikat.

“Memang rakyat Amerika Syarikat mempunyai banyak wang, tetapi kita boleh membeli lebih banyak daripada mereka,” katanya.

Dalam ucapan hampir sejam itu, Dr Mahathir juga meminta rakyat supaya tidak menuntut kenaikan upah kerana ia akan menghancurkan ekonomi negara.